



Ketika menjadi pengacara sebuah pertandingan sukan rakyat.

SH 19/07/08 pg.T24

Osman Kering mahu terus jadi pelawak

Lawak ialah bakat dan kebolehan semula jadi yang Tuhan berikan kepada saya. Saya akan terus berlawak selagi termampu.

■ NORHAFIZA MUSA

OSMAN KERING

NAMA Osman Kering tidak perlu diperkenalkan lagi. Pelawak yang sering muncul di kaca televisyen ini mempunyai ramai peminat. Meskipun sudah berusia 55 tahun namun dia masih aktif menerima undangan sebagai pengacara dan berlakon drama. Malah, wajahnya juga turut menghiasi iklan komersial di media cetak mahupun elektronik.

Dia juga baru selesai berlakon dalam 'Geletek' bersama kumpulan Senario dan 'ligat' memenuhi undangan berlawak di seluruh negara.

"Lawak ialah bakat dan kebolehan semula jadi yang Tuhan berikan kepada saya. Saya akan terus berlawak selagi termampu. Namun, saya tidak suka lawak yang memperbodohkan orang. Malah, saya sentiasa menyampaikan mesej berguna ketika berlawak di pentas.

Berlawak sambil menyampaikan mesej berguna tidak sukar. Petua saya ialah bergaul dengan orang ramai tanpa mengira status dan kedudukan dan daripada situ kita akan mendapat input yang baik," katanya ketika menjadi pengacara untuk pertandingan Permainan rakyat sempena dengan Pesta Konvokesyen Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Katanya, pelawak juga perlu banyak membaca untuk mengetahui isu semasa. Ia penting bagi menyampaikan mesej berguna kepada penonton.

"Persembahan lawak juga tidak boleh menyelitkan perkara yang sensitif kerana tujuannya sekadar menghibur," katanya.

Meskipun ramai pelakon dan pelawak yang muncul kini, dia tidak bimbang kerana pertambahan bilangan pelawak akan memeriahkan lagi dunia seni lawak negara.

"Bukan mudah untuk membuatkan orang ketawa dengan lawak yang kita persembahkan. Orang ramai mahu ketawa bukan kerana dipersendakan tetapi kerana sesuatu yang lucu," ujarnya.

